

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Khamis, 30 Julai 2020 12:54 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: Perutusan Naib Canselor sempena Hari Raya Aidiladha 1441 Hijrah
Attachments: Perutusan Naib Canselor sempena Hari Raya Aidiladha 1441 Hijrah.pdf



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

30 JULAI 2020 / 9 ZULHIJAH 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

UUM ONLINE:



PERUTUSAN NAIB CANSOLOR SEMPENA HARI RAYA AIDILADHA 1441 HIJRAH



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita masih diberikan peluang untuk menyambut Hari Raya Aidiladha pada 31 Julai 2020 bersamaan 10 Zulhijah 1441 Hijrah dalam suasana norma baharu.

Hari Raya Aidiladha semanganya berbeza dengan hari kebesaran Islam yang lain. Hari ini memiliki pelbagai perkara yang perlu diketahui, difahami, dilaksanakan dan diambil pengajaran. Oleh itu, kita tidak boleh menganggap Hari Raya Aidiladha ini berkait dengan ibadah korban dan haji semata-mata malah sebagai peringatan kepada kita agar memperingati teladan daripada sejarah Nabi Ibrahim a.s. dan anaknya Nabi Ismail a.s. Sejarah ini berlaku untuk menjadi pedoman dan petunjuk kepada umat Islam untuk mengorbankan harta dan jiwa demi meneguhkan iman kepada-Nya.

Tahun ini kita melaksanakan ibadah korban dalam suasana norma baharu, oleh itu janganlah alpa. Kita perlu bersama-sama memastikan ibadah korban dilaksanakan sesuai dengan situasi sekarang agar dapat mengurangkan penularan wabak COVID-19. Patuhilah segala prosedur yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan pihak berkuasa. Korbanlah sifat mementingkan diri demi memastikan kemaslahatan warga Universiti dan masyarakat sekeliling terjaga. Bersyukurlah kerana masih diberi kesempatan untuk berhimpun, bertakbir, bertahmid, menunaikan solat sunat Aidiladha dan melakukan ibadah korban walaupun dalam suasana norma baharu yang agak terkawal.

Akhir kalam, sempena hari yang mulia ini, saya ingin mengucapkan Salam Aidiladha kepada seluruh warga Universiti Utara Malaysia (UUM). Marilah raikan hari kebesaran ini dengan penuh kesyukuran dan keimanan di samping menjaga keselamatan dan kesihatan diri serta keluarga tercinta.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

PROF. DATO' DR. AHMAD BASHAWIR HAJI ABDUL GHANI



Please consider the environment before printing this e-mail



BACHELOR



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.